

Dr. Azman dilantik Ketua Pegawai Eksekutif SSM baharu

KUALA LUMPUR 28 Sept. - Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) melantik Dr. Azman Hussin sebagai Ketua Pegawai Eksekutif baharu berkuat kuasa hari ini.

SSM dalam kenyataan berkata, Azman akan memegang tanggungjawab dan tugas tersebut bagi tempoh dua tahun, menggantikan Datuk Zahrah Abd. Wahab Fenner yang bersara wajib hari ini.

"Azman merupakan Ketua Pegawai Eksekutif keenam SSM sejak penubuhan syarikat ini pada 2002.

"Beliau mempunyai pengalaman dan kepakaran luas dalam bidang keusahawanan, korporat, teknologi dan strategi perniagaan," katanya di sini hari ini.

Menurut kenyataan itu, Azman me-

miliki Sarjana Muda dan Sarjana dalam bidang Fizik dari Universiti Ohio, Amerika Syarikat serta kedoktoran dalam bidang pengurusan dari Universiti Utara Malaysia.

Kata kenyataan itu, Ketua Pengarah SSM baharu itu juga pernah menjadi Ahli Lembaga Pengarah Majlis Amanah Rakyat (Mara); Silicon Vision Corporation dan TSI-Telsys Corporation yang disenaraikan di Bursa Saham Montreal, Kanada.

Jelas SSM, Azman pernah bekerja dalam bidang strategi korporat di Qatar Steel Company dan Ooredoo

(dahulunya Qatar Telecom), mengajar dan melatih dalam bidang strategi di Saudi Arabia, Qatar, Kuwait, Jordan dan Malaysia.



AZMAN HUSSIN